

29/08/1997

Bilangan rumah untuk rakyat cukup: PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan hanya menghapuskan levi terhadap rakyat asing yang membeli hartanah bernilai RM250,000 ke atas di negara ini selepas berpuas hati bilangan rumah mencukupi dan mampu dibeli rakyat tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata keputusan menarik balik levi RM100,000 itu juga wajar bagi membolehkan pasaran hartanah bagi unit berkenaan laris semula dan tidak mahu melihat ia tidak ada pembeli.

"Kita dapati bilangan rumah cukup untuk orang tempatan. Di Johor pun keadaan macam itu. Mereka mempunyai rumah yang cukup dan penduduk tempatan berpeluang membeli rumah," katanya selepas rakaman perutusan sempena Hari Kebangsaan ke-40 di Angkasapuri, hari ini.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan langkah menghapuskan levi itu, berkuatkuasa hari ini.

Levi yang diperkenalkan dalam Belanjawan 1996 itu bertujuan mengurangkan spekulasi pasaran hartanah di samping mengawal pembelian hartanah oleh rakyat asing, terutama di bandar besar seperti Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Perdana Menteri berkata, ketika kerajaan membuat keputusan mengenakan levi RM100,000 terhadap rakyat asing yang membeli hartanah RM250,000 dan ke atas, ia dilakukan setelah mendapati waktu itu terlalu ramai rakyat asing membeli rumah di negara ini.

(END)